

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بها كين خدمة نصيحة کلوارك



جياتن حال احوال شرعية
كمترنحال الحال كما من نکار بروني دارالسلام

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga
Jabatan Hal Ehwal Syariah
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Lantai Bawah, Bangunan Madrasah, Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jln. Elizabeth II Bandar Seri Begawan BS3510
Negara Brunei Darussalam.

MENGENAL BKNK


- Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga adalah salah sebuah bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Syari'ah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam yang dipertanggungjawabkan untuk menangani masalah-masalah institusi kekeluargaan dengan memberikan khidmat nasihat yang bersangkut paut dengan hal ehwal Kursus Pra Nikah, aduan Mal (khidmat nasihat permohonan cerai dan tuntutan cerai) dan pendaftaran permohonan poligami dan taklimat mengenainya.
- Mula ditubuhkan di Daerah Brunei dan Muara, pada akhir tahun 1970an dikenali sebagai Unit Khidmat Nasihat Keluarga yang diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara. Beberapa tahun kemudian cawangan di daerah-daerah ditubuhkan secara berperingkat-peringkat, iaitu di Daerah Belait, Tutong dan Temburong. Pada tahun 1991, Unit ini diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah, setelah dipisahkan dari pentadbiran Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara yang diketuai oleh seorang Pegawai Ugama Kanan.
- Pada akhir tahun 1999, Unit ini telah dinaikkan tarafnya menjadi salah sebuah Bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah dan dikenali sebagai Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga.

Bahagian / Unit Khidmat Nasihat Keluarga
Blok "B", Blok No. 4,
Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong, NBD.
Tel:- 4221486/4221487

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga,
Kementerian Hal Ehwal Ugama (lama)
Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan
BS5510 Negara Brunei Darussalam
Tel:- 2241267 / 2221416

LOKASI BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT KELUARGA SELURUH NEGARA

Negara Brunei Darussalam




Bahagian / Unit Khidmat Nasihat Keluarga
Pejabat Hal Ehwal Ugama
Daerah Belait
Tel:- 3334347 Ext 19/18/17



Bahagian / Unit Khidmat Nasihat Keluarga
Pejabat Hal Ehwal Ugama
Daerah Temburong
Tel:- 5221017/5222034

STRUKTUR PENTADBIRAN BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT KELUARGA:



OBJEKTIF:

- Membantu pasangan-pasangan yang akan berkahwin dengan ilmu pengetahuan keluarga Islam.
- Mengurangkan kadar perceraian.
- Membantu pasangan yang dilanda krisis mengekalkan kerukunan dan keharmonian rumah tangga.
- Mengukuhkan institusi keluarga.
- Membantu orang ramai menghadapkan tuntutan mereka ke Mahkamah Syari'ah


MATLAMAT:

- Membentuk keluarga harmoni (al-sakinah) berdasarkan al-mawaddah (kasih sayang) wa ar-rahmah (belas kasihan).
- Merukunkan masalah / krisis rumah tangga.
- Menuju ke arah keharmonian hidup berkeluarga ‘Baiti-Jannati’ berlandaskan Syari’at Islam.


TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT KELUARGA:

- Memberikan khidmat nasihat berhubung hal ehwal kekeluargaan, perkahwinan, perceraian dan poligami kepada orang ramai yang memerlukannya.
- Memberikan kursus motivasi kekeluargaan melalui ceramah, taklimat, forum dan bengkel.
- Menyampaikan kursus Kefahaman Keluarga Pra-Nikah kepada bakal-bakal pengantin atau pasangan yang baru bernikah.
- Berkerjasama dengan Mahkamah Rendah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara bagi tuntutan kes-kes Mal dan permohonan untuk berpoligami.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Polis Diraja Brunei, Jabatan Imigresen dan Bahagian Kebajikan Hospital RIPAS bagi mengendalikan kes penderaan kanak-kanak dan penganiayaan terhadap kaum wanita.
- Bekerjasama dengan Jabatan Penjara dan Al-Islah dalam urusan tuntutan perceraian kepada banduan-banduan daripada pihak suami/isteri mereka.

CARTA FUNGSI BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT



STATISTIK PENDAFTARAN KURSUS PRA NIKAH DAN ADUAN MAL (TAHUN 2010-2017)



CABARAN	USAHA MENGATASI
Pasangan yang memohon khidmat nasihat sudah ditahap kritikal.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyebarluaskan fungsi dan peranan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga. 2. Meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan institusi keluarga yang sakinhah, mawaddah wa rahmah.
Meningkatnya perceraian di kalangan golongan professional.	Mempelbagai program pembangunan keluarga.

PERKHIDMATAN:

1. Menerima permohonan / pendaftaran kursus dan mengendalikan Kursus Pra Nikah bagi bakal-bakal pengantin.
2. Menerima aduan orang ramai yang dilanda masalah rumah tangga dan memberikan khidmat nasihat / kaunseling kepada pasangan yang memohon khidmat nasihat atau suami isteri yang memohon / menuntut cerai.
3. Menerima permohonan poligami dan mengendalikan taklimat kepada setiap pemohon, isteri dan bakal isteri pemohon.
4. Mengendalikan kursus, ceramah, taklimat, motivasi, seminar dan program-program kekeluargaan.

